

**Suara Pakatan Rakyat Laman Web Palsu Atau Jurucakap Pembangkang?  
Bernama  
19 September, 2012**

KOTA KINABALU, 19 Sept (Bernama) -- Parti Bersatu Sabah (PBS) menggesa rakyat Malaysia di Sabah melihat posting di laman web <http://suarapakatanrakyat.com/> sejak Ogos 2011 untuk menilai sendiri sama ada Suara Pakatan Rakyat adalah laman web palsu atau jurucakap pembangkang yang diwujudkan khusus untuk mencemarkan nama baik Barisan Nasional (BN) secara sistematik.

PBS menyifatkan penafian pembangkang dan gesaan untuk membuktikan kaitan blog itu dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) sebagai cubaan terdesak untuk mengelakkan diri daripada blog propembangkang yang kontroversi tetapi popular itu.

Penolong Setiausaha Agung PBS Daniel Kinsik berkata laporan polis oleh PBS dan kenyataan susulan (mengenai artikel itu) tidak menunding jari secara khusus pada PKR, tetapi yang pasti blog dan tulisan blogger berkenaan jelas propembangkang dan mengkritik BN.

Timbalan Setiausaha Agung PKR Sabah Darrel Leiking sebelum ini mencabar Setiausaha Agung PBS Datuk Henrynus Amin menunjukkan bukti yang mengaitkan PKR dengan blog itu.

"Bukti apa yang dikatakan oleh Darrel apabila laporan polis PBS hanya meminta polis menyiasat artikel berbaur hasutan itu," kata Daniel dalam kenyataan di sini pada hari Rabu.

"Kenapa beliau gentar apabila tiada apa-apa pun dikatakan yang menuduh PKR sebagai penulis blog itu? Adakah beliau tahu sesuatu yang kita tidak tahu?" Apa yang perlu ditakutkan?

"Sebagai seorang peguam, Darrel patut membaca laporan polis PBS dan kenyataan susulan itu, sebelum membuat kesimpulan hanya berdasarkan tajuk berita sensasi oleh editor-editor untuk menjadikannya lebih menarik," katanya.

Daniel berkata pemimpin Kadazandusun dan Murut PKR keliru dan mula bertindak tidak keruan kerana artikel kontroversi yang menghina tarian Sumazau mungkin memberikan impak ke atas mereka sebagai pemimpin pembangkang, kerana tahu bahawa Suara Pakatan Rakyat adalah jurucakap agenda pembangkang.

"Walaupun polis menjalankan siasatan, pendirian PBS ialah artikel dalam blog Suara Pakatan Rakyat berbaur hasutan dan seolah-olah dilakukan oleh mereka yang ada kaitan dengan agenda pembangkang.

"Jika benar Pakatan Rakyat tidak ada kaitan dengan blog kontroversi itu, mereka patut mengambil tindakan undang-undang untuk menghalang Suara Pakatan Rakyat daripada terus menerbitkannya, menggunakan nama yang seakan-akan sama dengan mereka," katanya.

Bagaimanapun, Daniel berkata rakyat Sabah tidak mudah terperdaya oleh penafian pembangkang, kerana tindakan Darrel hanya meningkatkan lagi rasa syak orang ramai bahawa Pakatan Rakyat sebenarnya terdesak dan takut sesuatu yang sebaliknya berlaku kepada mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695692>